

19/06/1997

Anggota D8 boleh guna pendekatan Malaysia

Mior Kamarul Shahid

SEHARI sebelum ketua-ketua negara dan kerajaan D8 menandatangani Deklarasi Istanbul, menteri luar negara berkenaan mengadakan rundingan untuk menentukan agenda sidang puncak D8. Mesyuarat peringkat menteri luar dirasmikan oleh Erbakan. Turki diwakili oleh Menteri Luar dan juga Timbalan Perdana Menteri, Tansu Ciller yang berusaha mengambil alih tempat Erbakan. Dari sudut positif, sekali pun Erbakan yang memimpin Parti Kebajikan Islamis atau Refah, tidak lagi berada dalam kerajaan, Ciller akan terus bersama D8. Ciller menghadiri mesyuarat dan tahu arah tuju D8. Namun, arus politik sukar diramal. Ketika Ciller yang memimpin True Path Party, dilihat bergambar mesra di sebelah Erbakan, namun setelah mesyuarat berakhir, kedua-dua mereka mengadakan pertemuan politik dengan pengikut mereka bagi menentukan agenda politik masing-masing. Namun, percakaran politik di Turki tidak mengganggu agenda sidang puncak D8. Ini penting kerana meski pun D8 dilancarkan ketika Turki dilanda ribut politik, tidak ada perbalahan sia-sia dirakamkan.

Cuma, ketika masih berada di Ciragan Palace, tempat sidang puncak diadakan, Ciller memberitahu sidang akhbar bahawa kerajaan Turki hari ini akan berakhir. Kerajaan campuran pimpinan Erbakan akan diganti dengan sebuah kerajaan baru mengikut proses perlembagaan. Ciller berharap rakyat yakin kepadanya supaya menjadi pelindung demokrasi. Walaupun diramal menjadi Perdana Menteri yang baru, jawatan lamanya, Ciller juga tetap menghadapi tentangan terutamanya daripada pemimpin Islam yang menjadi sekutu Erbakan, Mushin Yazicioglu mewakili Parti Grand Unity. Kita serahkan kepada rakyat menentukan masa depan Turki selaras dengan kehendak demokrasi. Presiden Suleyman Demirel juga menegaskan bahawa masalah politik di Turki akan diselesaikan mengikut semangat demokrasi.

Sebenarnya inilah inti ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap di sidang puncak D8. Dr Mahathir menjelaskan bahawa perkara pertama yang harus dilakukan ialah mempertahankan sistem demokrasi.

"Kita mesti demokratik tetapi demokratik mengikut acuan kita. Demokrasi liberal mungkin baik untuk sesetengah pihak, tetapi bukan untuk setiap orang. Dan, saya tidak fikir daripada apa yang saya perhatikan ia sesuai untuk kita semua.

"Kebajikan rakyat kita adalah lebih penting daripada hak segelintir pihak yang mahu mengganggu keamanan untuk mempromosi diri sendiri.

"Kita sudah menyaksikan dari semasa ke semasa bagaimana perebutan kuasa tidak mendatangkan sebarang faedah. Negara kita terus ketinggalan meskipun berlaku perubahan kerajaan." Ini adalah kenyataan Dr Mahathir yang dianggap begitu pedas walaupun ia bukanlah ditujukan kepada Turki semata-mata. Ia ditujukan kepada semua negara anggota.

D8 dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, Pakistan, Bangladesh, Mesir, Nigeria, Iran dan Turki akan terus wujud jika negara anggotanya stabil dari segi politik dan ekonomi. D8 akan terus kekal selagi mereka dapat memastikan mereka bukan mangsa hegemoni kuasa besar. Jika semua negara anggota D8 lemah, pertubuhan ini tidak akan berfungsi dan lebih baiklah dibubarkan kerana ia tidak akan membawa sebarang faedah. Bagaimana pertubuhan ini mahu menghadapi cabaran global sedangkan masalah negara sendiri tidak boleh diatasi.

Setakat ini D8 memulakan satu langkah yang agak baik. Walaupun dilihat daripada kalangan negara anggota, potensi untuk berpolitik cukup besar,

tetapi sejak mesyuarat peringkat pegawai diikuti mesyuarat menteri luar, tidak ada isu politik cuba diketengahkan. Begitu juga di sidang puncak ketua negara dan kerajaan yang mana perbincangan berfokus kepada perkara asas penubuhan D8 iaitu ekonomi, perdagangan dan pembangunan. Deklarasi Istanbul yang ditandatangani lapan ketua negara dan kerajaan D8 itu juga mencerminkan bahawa masalah politik tidak dibangkitkan. Jika ada pun soal itu diketengahkan ia hanyalah berkisar kepada soal politik antarabangsa. Perkara ini memang tidak dapat dielakkan kerana penubuhan D8 itu sendiri mempunyai kaitan rapat dengan keadaan dunia dalam era berakhirnya perang dingin. Pengaruh pasca perang dingin ini turut mempengaruhi perubahan struktur ekonomi global. Menyedari perubahan struktur ini mewujudkan peluang dan cabaran kepada negara membangun, ia seharusnya diterokai secara bijaksana. Dalam keadaan dunia hari ini wujud ketegangan, ketidakstabilan, konflik dan konfrontasi. Begitu juga dengan dasar lama yang dianggap tidak lagi sesuai, pilih kasih dan penindasan. Atas dasar ini D8 menerima moto pertubuhan itu: "Keamanan bukan konflik, dialog bukan konfrontasi, kerjasama bukan eksploitasi, keadilan bukan percanggahan (double standard), persamarataan bukan pilih kasih dan demokrasi bukan tekanan. Kata-kata ini juga terpampang pada logo sidang kemuncak D8 untuk menunjukkan kepada dunia bahawa negara D8 mempunyai matlamat untuk diperjuangkan.

Soalnya, memang sudah banyak pertubuhan yang ditubuhkan untuk tujuan tertentu. Apa perlunya D8 sedangkan negara yang menyertainya juga adalah anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Sedangkan OIC yang dianggotai oleh semua negara Islam, tidak menunjukkan taringnya, apakah kekuatan D8? Jawapan mudah diberikan oleh Dr Mahathir ialah OIC lebih kepada soal politik manakala D8 tertumpu kepada soal ekonomi. Lebih kecil negara anggotanya, lebih mudah diurus. Lebih kecil pertubuhan itu, sebarang masalah boleh diselesaikan dengan mudah. Sekurang-kurangnya, jika D8 dapat membuktikan keberkesanannya, ia dapat menjamin kesejahteraan kira-kira 800 juta penduduk di lapan negara anggota D8. Ia mewakili 123 juta di Bangladesh, 56.5 juta Mesir, 207 juta Indonesia, 66 juta Iran, 129 juta Pakistan, 62 juta Turki, 104 juta Nigeria dan 20 juta Malaysia. Malaysia adalah negara yang paling rendah bilangan penduduknya tetapi dianggap paling maju. Jika model 'kecil' tetapi berkesan boleh diterima, D8 sendiri boleh menjadikan Malaysia sebagai model pengurusan yang berkesan.

Walaupun negara anggota mewakili negara Islam, tidak membezakan rakyat agama lain. Kemakmuran negara D8 sudah tentu akan dapat dinikmati bersama oleh negara anggota OIC. Ia boleh diperluaskan kepada Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Kumpulan 15 (G-15), Kerjasama Selatan-Selatan dan sebagainya. Apa yang diharapkan oleh negara anggota, D8 boleh dijadikan model kerjasama walaupun memang sudah ada pertubuhan lain yang ditubuhkan dalam OIC termasuk Pertubuhan Kerjasama Ekonomi (ECO) dianggotai Turki, Pakistan, Iran dan beberapa negara Asia Tengah. Tetapi, pertubuhan ini tidak dapat lari daripada percakapan politik apabila Pakistan mendakwa Iran cuba mempolitikkan pertubuhan itu. Walaupun kedua-dua negara berkenaan turut menganggotai D8, setakat ini permainan politik tidak ketara. Persoalan baru tidak akan timbul jika D8 berpegang kepada pertubuhan bukan ideologi. D8 perlu dilihat sebagai sebuah pertubuhan yang membina dan positif sama ada di dalam atau di luar OIC.

Ada juga kebimbangan bahawa D8 akan menjadi pertubuhan dimensi Islam memandangkan negara anggotanya adalah anggota OIC. Memang pada asalnya pertubuhan ini dianggap sebagai M8 atau Muslim 8. Anggapan ini tidak tepat kerana sebahagian besar daripada negara anggotanya bukan mewakili umat Islam. Malah, di Iran yang mempunyai 66 juta penduduk mempunyai penganut agama lain termasuk Zoroastrian. Namun, bagi mengelakkan kekeliruan sia-sia M8 ditukar kepada D8 atau Developing 8.

D8 akan dihormati jika ia kekal sebagai sebuah forum untuk bertukar pandangan dan menerokai potensi ekonomi yang begitu luas. Ia patut menjadi forum mencari jalan menyelesaikan halangan kerjasama sesama negara anggota. Ia tidak harus dijadikan forum untuk menentang pertubuhan lain sama ada di dalam OIC sendiri atau kumpulan serantau lain seperti Kesatuan Eropah (EU), Kumpulan 7 (G7) dan sebagainya.

Dalam D8, sebahagian besar rakyatnya masih daif. Ini seharusnya menjadi matlamat perjuangan terutamanya menumpukan usaha membasmi kemiskinan. Menyedari bahawa usaha membasmi kemiskinan memerlukan kerjasama global berpandukan kepada peluang ekonomi, D8 boleh memainkan peranannya. Dalam D8 sendiri, negara anggotanya mempunyai pelbagai pengalaman. Malaysia, umpamanya, boleh membantu mengubah corak pengurusan negara anggota lain berpandukan pengalaman Malaysia. Melihat kepada fungsi penyelaras yang diberikan kepada Malaysia iaitu sektor kewangan, penswastaaan dan perbankan, tidak keterlaluan dikatakan bahawa negara anggota boleh mendapat faedah daripadanya.

Dalam konteks kewangan, negara anggota boleh menggunakan pelbagai pendekatan Malaysia seperti mewujudkan tabungan untuk rakyat seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Lembaga Tabung Haji dan sebagainya di samping Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan pelbagai tabung amanah yang terbukti berkesan di Malaysia. Bagi perbankan pula, mereka boleh menggunakan pendekatan Malaysia dalam menjayakan perbankan Islam dan perniagaan takaful. Begitu juga dalam projek penswastaaan, mereka boleh mempelajari kejayaan Malaysia membangunkan negara.

Sidang puncak D8 sudah berakhir. Sebelum bertemu semula di Dhaka, Bangladesh tahun depan, negara anggota perlu menunjukkan peningkatan dalam setiap tugas yang diberikan kepadanya.

(END)